

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
BENGKEL HALATUJU DAN PEMANTAPAN ORGANISASI
BAHAGIAN PERUMAHAN DAN KEBAJIKAN PELAJAR
TARikh: 22 MAC 2011**



Foto: Lai Seng Wai

ALBUM ... Peserta Bengkel Halatuju Organisasi merakamkan gambar kenangan bersama pihak pengatur.

Bengkel Halatuju Organisasi BPKP UMS capai resolusi perubahan

KOTA KINABALU: Bahagian Perumahan dan Kebajikan Pelajar (BPKP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Bengkel Halatuju dan Pemantapan Organisasi baru-baru ini.

Program yang diadakan di Tang Dynasty Park Hotel itu telah disertai seramai 42 orang yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan BPKP di kampus induk UMS di sini dan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Pengerusi Pengatur, Mat Usup Rasid berkata bengkel itu bertujuan mencapai satu

matlamat bagi memantapkan dan menambahbaik halatuju BPKP yang diadakan sebelum ini yang melibatkan pentadbiran, penginapan, penyelenggaraan dan kebajikan pelajar.

Tambahnya, ia selaras dengan matlamat BPKP yang berfungsi memberikan perkhidmatan yang terbaik dari sudut kebajikan, penginapan dan keselamatan pelajar pada masa akan datang.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof Madya Dr Kasim Md Mansur berharap agar bengkel itu akan dapat

merealisasikan impian BPKP dan UMS dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar pada masa depan seiring dengan matlamat UMS menjadi sebuah universiti berinovatif yang bertaraf dunia.

Beliau sangat berbangga kerana satu resolusi berjaya dicapai hasil perbahasan para peserta bengkel khususnya dalam memberi jalan penyelesaian bagi memantapkan perkhidmatan BPKP pada masa akan datang.

Sebanyak tiga slot ceramah telah disampaikan pada bengkel itu merangkumi

pemantapan halatuju perumahan seiring dengan keperluan pengurusan srama, persepaduan kakitangan bagi mencapai matlamat jabatan dan pengurusan pentadbiran personel.

Pada majlis sama, telah diadakan pengesahan senarai pelajar yang berjaya mendapat tempat tinggal di Kolej Kediaman bagi sesi 2011/2012 di hadapan Timbalan Naib Canselor HEPA, Timbalan Pendaftar Kanan HEPA dan pengetua-pengetua Kolej Kediaman UMS Kota Kinabalu dan UMS-Kampus Antarabangsa Labuan.

UB 4/6/2011 33